

UTUSAN MALAYSIA

# Mega

WIRA

FATHIA BUAT HAL LAGI? »23

## STORM PASUKAN ELIT BOMBA

Oleh BASIR ABU BAKAR pengarang@utusan.com.my

**P**ASUKAN khas Operasi, Taktikal dan Penyelamat Malaysia (STORM) merupakan satu unit elit dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang disertai anggota berkemahiran tinggi bagi menggalas tugas menubar dalam tempoh pantas.

Ketua Pasukan STORM Kuala Lumpur, Penguasa Kanan Bomba II Muhammad Firdaus Khan Anwar Khan memberitahu, anggota STORM bukan sahaja berkemahiran mengendalikan kes melibatkan kebakaran malah amat terlatih dalam mengulurkan bantuan kecemasan ketika tanah runtuh serta runtuh struktur bangunan tinggi.

Jelasnya, STORM berperanan seperti sebuah pasukan elit komando dalam Angkatan Tentera Malaysia yang mana bidang tugasnya jauh lebih besar daripada skop tugas biasa sebagai anggota bomba.

"Tanggungjawab pasukan elit ini kini semakin mencabar memandangkan ia tidak lagi sekadar tertumpu kepada kerja memadam kebakaran bahkan



MUHAMMAD FIRDAUS KHAN bertanggungjawab memberikan latihan kebakaran di Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah.

juga melibatkan bencana alam yang tidak diduga," jelasnya.

Menurut Muhammad Firdaus Khan yang merupakan lepasan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia & Proses, Universiti Teknologi Mara (UTM), namun anggota pasukan tersebut tidak terlepas daripada tanggungjawab hakiki sebagai anggota bomba biasa dalam menyelamatkan nyawa dan harta benda serta memadam kebakaran.

"Setiap anggota STORM hanya akan berkumul sebagai satu pasukan apabila ada panggilan

sementara membabitkan sesuatu kejadian bencana yang memerlukan kecekapan khusus dalam kerja-kerja penyelamatan.

"Berdasarkan rekod hanya ada 34 anggota STORM di Kuala Lumpur sahaja dan kira-kira 200 anggota di seluruh negara," katanya.

Jelas Muhammad Firdaus Khan, beliau turut bertanggungjawab memberikan latihan kebakaran bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah.

"Dalam bidang latihan saya bertanggungjawab menyelaras



### TRIVIA

- Pernah bekerja sebagai ahli kimia di loji kumbahan di Pulau Pinang.
- Terlibat dalam operasi menyelamatkan kes helikopter jatuh di Semenyih.
- Menemai sijil perkhidmatan terpuji JBPKL.
- Masih bujang.

kursus kepada anggota bahawala sehingga pegawai kanan. Selain mendedah kursus umum saya juga menuruskannya kursus khas anggota bomba dan orang awam.

"Kesemua kursus itu dikendalikan berdasarkan modul yang sedia ada atau modul yang direka khusus untuk tujuan tertentu demi menambah baik kecekapan anggota bomba yang ada," katanya.

MUHAMMAD FIRDAUS KHAN ANWAR KHAN



ANGGOTA STORM juga perlu mahir dalam mengendalikan jentera bomba dan mempunyai kemahiran tersendiri dalam menjalankan tugas.



MUHAMMAD FIRDAUS (dua dari kanan) sentiasa disamping rakan sekerja dan menjaga hubungan persahabatan demi gerak kerja berkumpulan dalam tugas.



SEORANG anggota STORM perlu sentiasa berada dalam keadaan bersedia untuk dipanggil bagi melakukan tugas apabila dipanggil.

## Mengendali kes cubaan bunuh diri tugas berat

Oleh NURADNA HANIS ABD HALIM pengarang@utusan.com.my

**B**ERTUGAS di kawasan segi tiga emas mendedahkan beliau kepada pelbagai jenis kejadian kecemasan namun mengendalikan mangsa cubaan bunuh diri dianggap satu tugas amat mencabar buat dirinya sebagai seorang pegawai

penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Perkara itu dikuti Pegawai Bomba Kanan II Rafie Kusno, 54, yang menyifatkan bukan mudah untuk mengawal emosi atau menjujuk mangsa yang cuba bunuh diri tetapi itu merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul.

Anak kelahiran Klang, Selangor ini berkata, dari hampir ratusan



RAFIE KUSNO (tiga dari kiri) memberi penerangan sebelum memulakan operasi menyelamat.

kes cubaan bunuh diri pernah dikendalikan, ada satu kejadian yang mengganggu emosinya melibatkan seorang lelaki Melayu berusia 60-an yang nakad untuk melompat dari sebuah flat.

"Apabila ditanya mengenai tindakan nekadnya itu, lelaki itu memberitahu tekanan hidup serta masalah kewangan merupakan penyebab utama.

"Akhirnya setelah saya cuba mengingatkan tentang sedikit ilmu ajaran Islam serta dosa, mangsa dapat menenangkan diri dan membatalkan niatnya.

"Betum lagi kejadian membabitkan seorang remaja perempuan yang cuba melompat dari bangunan di Jalan San Peng kerana putus cinta. Remaja itu hanya berjaya dipujuk setelah kami memanggil teman lelakinya di tempat kejadian," katanya.

Ketika ditemui Mega Wira baru-baru ini,



BERSAMA isteri dan lima anak lelakinya.

Dalam pada itu, menurut Rafie, kejadian terperangkap dalam bangunan ketika terlibat operasi memadam kebakaran merupakan salah satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang 33 tahun berkhidmat dalam pasukan itu.

Jelasnya, beliau pernah terperangkap dalam sebuah kedai elektrik yang terbakar di Jalan Bukit Bintang dekat sini selepas lampu atau mesin penjana elektrik yang dibawa tiba-tiba meletup.

Tambahnya lagi, kejadian kira-kira pukul 7 pagi berlaku ketika beliau bersama beberapa rakan

sepasukan menyertai operasi memadam kebakaran di kedai berkenaan.

"Ketika kami hampir selesai memadam kebakaran, tiba-tiba mesin penjana elektrik yang digunakan sebagai lampu meletup. Keadaan kedai dipenuhi dengan asap serta gelap-gelita menyukarkan kami menemui jalan keluar.

"Kami hampir buntu bagaikanapapun saya yang bertindak membengkokkan badan dan terpegang hos air dari jentera bomba jadi kami keluar dari kedai tersebut berpandukan arah hos tersebut," ujarnya.

### TRIVIA

- Menyertai pasukan bomba pada 1 November 1984.
- Bertugas di balai bomba dan penyelamat sekitar Lembah Klang.
- Mempunyai lima cahaya mata lelaki.
- Berulang-alik dari Teluk Panglima Garang ke BPP Hang Tuah setiap hari.

KENANGAN bersama rakan seugas beberapa tahun lalu.